

KENYATAAN AKHBAR

JELAJAH SAMBIL BERAMAL

Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengadakan Program Amal Konvoi Motor Belia Petaling Jaya, ke Sabak Bernam pada 23 hingga 24 Jun 2012 yang lalu. Program ini telah berjaya menarik minat seramai 100 orang belia sekitar Petaling Jaya yang menunggang 100 buah motosikal dari pelbagai jenis.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman telah melancarkan logo PeBT MBPJ dan menandatangani sijil konvoi bermotor tersebut untuk diserahkan kepada Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

Datuk Bandar Petaling Jaya juga berbesar hati telah menyempurnakan upacara pelepasan peserta konvoi tersebut tepat jam 9.00 pagi. Seterusnya kumpulan konvoi tersebut akan menghala ke tempat persinggahan pertama di Rumah Insaniah Tun Dr. Siti Hasmah untuk memberikan sumbangan berupa barang keperluan harian seperti beras, gula, tepung, mee, biskut dan lain-lain.

Encik S. Jahendran, Bendahari Kehormat Rumah Insaniah selaku wakil kebajikan telah menerima sumbangan tersebut daripada pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Selaku Pengerusi Program Konvoi Amal Motor ini, En Salimey Abu Bakar menegaskan bahawa tujuan program ini diadakan adalah membuat kerja amal kebajikan disamping mengajar tentang tata cara pemanduan berhemah kepada kesemua peserta konvoi. Di samping itu juga, program ini dilihat sebagai platform untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala antara Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

Para peserta konvoi tersebut telah mendapat pengalaman dan pengajaran yang berharga sepanjang program ini diadakan. Setibanya di Sabak Bernam, para peserta konvoi ini telah disambut oleh Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Sabak Bernam di Stadium Sungai Besar.

Di sebelah petangnya pula, peserta konvoi sekali lagi telah membuat sumbangan amal ke Rumah Anak Yatim, Rumah Pusat Jagaan Harian Warga Emas dan lawatan ke tempat penghasilan produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) "*Nata De Koko*" yang terletak di Sabak Bernam.

Sebagai makluman, program Amal Konvoi Motor Belia Petaling Jaya ini telah mendapat kerjasama yang baik daripada Polis Di Raja Malaysia (PDRM), One Malaysian Bikers Club dan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

Selama 2 hari, para peserta konvoi ini telah ditempatkan di Homestay Air Manis, Sabak Bernam dan pada keesokan harinya pula, sewaktu tiba di Taman Tasik Bandaran Petaling Jaya, peserta konvoi ini telah disambut oleh warga kerja MBPJ dan dihiburkan pula dengan persembahan nyanyian oleh Ali TerraRossa dan Razlan daripada kumpulan Kristal.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
[Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)
[Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050 ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)